

**PENGARUH PENGURUSAN PENGAJARAN  
DAN PEMBELAJARAN, PENGURUSAN BILIK  
DARJAH DAN PERSONALITI GURU  
TERHADAP KUALITI GURU SEKOLAH  
RENDAH LUAR BANDAR  
DI NEGERI SABAH**



**NORMIATI BINTI BATJO**

**UMS**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TESISINI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI  
SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH  
DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2020**

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**  
**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS**

JUDUL : **PENGARUH PENGURURUSAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN, PENGURUSAN BILIK DARJAH, PERSONALITI GURU TERHADAP KUALITI GURU SEKOLAH RENDAH LUAR BANDAR DI NEGERI SABAH**

IJAZAH : **DOKTOR FALSAFAH (PENGURUSAN PENDIDIKAN)**

Saya **NORMIATI BINTI BATJO**, Sesi **2015-2020**, mengaku membenarkan tesis Doktoral ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan [ / ]:

**SULIT**

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

**TERHAD**

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan dijalankan)

/

**TIDAK TERHAD**

Disahkan Oleh,



**ANITA BINTI ARSAD**  
PUSTAKAWAN KANAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(Tandatangan Pustakawan)

**NORMIATI BINTI BATJO**  
**DP1421067T**


Tarikh: 01 SEPTEMBER 2020

(Prof. Madya Dr. Abdul Said bin Ambotang)  
Penyelia

## **PENGAKUAN**

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

01 SEPTEMBER 2020

  
.....  
NORMIATI BINTI BATJO  
DP1421067T



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **PENGESAHAN**

NAMA : **NORMIATI BINTI BATJO**

NO. MATRIK : **DP1421067T**

TAJUK : **PENGARUH PENGURUSAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN, PENGURUSAN BILIK DARJAH, DAN PERSONALITI GURU TERHADAP KUALITI GURU SEKOLAH RENDAH LUAR BANDAR DI NEGERI SABAH**

IJAZAH : **DOKTOR FALSAFAH  
(PENGURUSAN PENDIDIKAN)**

TARIKH : **01 SEPTEMBER 2020**



DISAHKAN OLEH  
**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**1. PENYELIA UTAMA**

Tandatangan

Prof. Madya Dr. Abdul Said bin Ambotang .....

**2. PENYELIA BERSAMA**

Dr. Roslee bin Talip .....

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya dapatlah penulisan ini saya sempurnakan dengan jayanya. Setinggi-tinggi tanda terima kasih dan syukur atas bantuan pelbagai pihak dalam memberi tunjuk ajar dan dorongan kepada saya secara langsung mahupun tidak langsung. Dengan itu, saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada:

1. Prof. Madya Dr Abdul Said Ambotang dan Dr Roslee Talip selaku penyelia utama dan penyelia kedua saya atas segala tunjuk ajar, bimbingan, teguran, dan kesungguhan yang tidak berbelah bagi dalam membantu saya menyempurnakan penulisan saya ini.
2. Pihak pentadbiran (FPP) kerana memberi peluang kepada saya untuk meneruskan perjuangan saya menuntut ilmu sehingga ke peringkat Phd.
3. Profesor Abdull Sukor Shaari, Prof Madya Dr. Suhaimi Taat dan Dr. Musirin Mosin atas nasihat, teguran, dan bimbingan yang sangat membantu saya dalam meneruskan penulisan sehingga berjaya.
4. Semua guru besar dan guru selaku responden yang terlibat secara langsung dalam menjalankan kajian rintis dan kajian lapangan.
5. Semua pensyarah dan kakitangan Fakulti Pendidikan Psikologi (FPP) serta kakitangan Pasca Siswazah atas bantuan yang diberikan.
6. Sahabat seperjuangan dan semua pihak yang telah membantu secara langsung dan tidak langsung sepanjang perjuangan saya menyiapkan penulisan ini.
7. Tidak lupa penghargaan buat suami tersayang Norzakaria Nordin, Ibu tercinta Dadi Hammade, anak Nurrasyiqah Zakirah, adik beradik Harmiati, Hartati, Karim dan Kariah serta seluruh keluarga yang sangat memahami dan sentiasa memberi sokongan dan galakan sepanjang perjuangan saya dalam pengajian ini.

Semoga Allah mempermudahkan segala urusan dan membalias jasa baik kalian. Diharapkan hasil penulisan ini akan memberi manfaat yang besar kepada kita semua.

Normiati binti Batjo

01 September 2020

## **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh dan hubungan pengurusan pengajaran dan pembelajaran (PPdP), pengurusan bilik darjah (PBD), dan personaliti guru (PG) terhadap kualiti guru sekolah rendah luar bandar di negeri Sabah, Malaysia. Kajian mengaplikasikan kaedah tinjauan dengan menggabungkan teknik pensampelan kebarangkalian berstrata, kluster, dan rawak mudah. Berpandukan teknik pensampelan Cohen (2001), sampel ditetapkan sebanyak 380 orang. Data dikumpul menggunakan satu set borang soal selidik adaptasi. Analisis deskriptif menunjukkan semua variabel diamalkan pada tahap tinggi. Ujian-*t* dan *ANOVA* sehala membuktikan terdapat perbezaan skor min yang signifikan bagi semua variabel berdasarkan jantina dan pengalaman mengajar. Ujian Korelasi *Pearson* pula menunjukkan wujud hubungan positif yang sederhana antara variabel PPdP, pengurusan bilik darjah dan personaliti guru dengan kualiti guru. Begitu juga dengan Analisis Laluan (*SEM*) menunjukkan kombinasi sumbangan ketiga-tiga variabel bebas terhadap variabel bersandar kualiti guru pada kekuatan pengaruh yang tinggi. Analisis Laluan turut menunjukkan terdapat pengaruh secara langsung yang signifikan variabel bersandar dengan variabel tidak bersandar. Kajian menyumbangkan satu Model Kualiti Guru baharu yang diadaptasi dan digabungjalinkan bersama teori dan model terdahulu.



## ***ABSTRACT***

### ***THE INFLUENCE OF MANAGEMENT OF TEACHING AND LEARNING, CLASSROOM MANAGEMENT, AND TEACHER'S PERSONALITY TOWARDS TEACHERS' QUALITY OF RURAL PRIMARY TEACHERS IN SABAH, MALAYSIA***

*The purpose of this study is to identify the relationship and influence of teaching and learning management (PPdP), classroom management (PBD), and teacher personality (PG) towards the quality of rural primary school teachers in the state of Sabah, Malaysia. This study applies the survey method by combining stratified, cluster, and random sampling techniques. Based on Cohen's (2001), the sample was set at 380 people. Data were collected through a set of adapted questionnaires. Descriptive analysis showed that all variables being practiced at a high level. One-way ANOVA and t-Test proved that there was a significant difference in mean score for all variables based on gender and teaching experience. Pearson Correlation test showed that there was a moderate significant relationship between PPdP variables, classroom management and teachers' personality with teachers' quality. Path Analysis (SEM) showed that the contribution of the three independent variables was at high influence towards the dependent variable of teacher's quality. Path Analysis also pointed to a significant direct influence of dependent variables with independent variables. The study contributes to a new Teacher Quality Model that adapted and integrated with previous theories and models.*

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **SENARAI KANDUNGAN**

	Halaman
<b>TAJUK</b>	<b>i</b>
<b>PENGAKUAN</b>	<b>ii</b>
<b>PENGESAHAN</b>	<b>iii</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iv</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>v</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>vi</b>
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xii</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xiv</b>
<b>GLOSARI AKRONIM</b>	<b>xv</b>
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xviii</b>

### **BAB 1 PENDAHULUAN**

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	9
1.4 Tujuan Kajian	23
1.5 Objektif Kajian	23
1.6 Soalan Kajian	24
1.7 Hipotesis Kajian	25
1.8 Kepentingan Kajian	26
1.9 Batasan Kajian	28
1.10 Definisi Operasional Kajian	30
1.10.1 Kualiti Guru	30
1.10.2 Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran	32
1.10.3 Pengurusan Bilik Darjah	33
1.10.4 Personaliti Guru	35
1.10.5 Sekolah Rendah Luar Bandar	36
1.11 Rumusan	36

## **BAB 2 SOROTAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	37
2.2	Konsep Kualiti Guru	37
2.3	Teori dan Model Kualiti Guru	42
2.3.1	Teori Kognitif Sosial ( <i>Social Cognitive Theory-SCT</i> )	42
2.3.2	Model Standard Guru Malaysia	45
2.4	Kajian Lepas Berkaitan Kualiti Guru	47
2.5	Konsep Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran (PPdP)	51
2.6	Teori Dan Model Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran	70
2.6.1	Model Kerangka Pengajaran Efektif	70
2.6.2	Model Pengajaran Slavin	74
2.6.3	Model Pengajaran Glaser	76
2.7	Kajian Lepas Berkaitan Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran	77
2.8	Konsep Pengurusan Bilik Darjah (PBD)	84
2.9	Teori dan Model Pengurusan Bilik Darjah	88
2.9.1	Teori Pengubahsuaian Tingkah Laku Skinner	89
2.9.2	Model Disiplin Asertif Canter	90
2.10	Kajian Lepas Berkaitan Pengurusan Bilik Darjah	92
2.11	Konsep Personaliti Guru	98
2.12	Teori dan Model Personaliti Guru	101
2.12.1	Teori Holland	101
2.12.2	Teori Psikoanalisis	104
2.12.3	Teori <i>Big Five</i>	106
2.13	Kajian Lepas Berkaitan Personaliti Guru	108
2.14	Kerangka Konseptual Kajian	115
2.15	Rumusan	118

## **BAB 3 METODOLOGI**

3.1	Pengenalan	119
3.2	Reka Bentuk Kajian	119
3.3	Variabel Kajian	120
3.4	Tempat Kajian	122

3.5	Populasi dan Pensampelan Kajian	122
3.6	Instrumen Kajian	128
	3.6.1 Soal Selidik	129
	3.6.2 Pengguguran Item Soal Selidik	134
3.7	Kajian Rintis	135
	3.7.1 Dapatan Kajian Rintis Analisis Faktor	137
	3.7.2 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	146
3.8	Prosedur Memperoleh Data	150
	3.8.1 Pembentukan Instrumen	150
	3.8.2 Mentadbir Instrumen	150
3.9	Pengkodan Data	151
3.10	Penyemakan Data	152
3.11	Analisis Data	161
	3.11.1 Analisis Deskriptif	161
	3.11.2 Analisis Inferensi	163
3.12	Rumusan	168
<b>BAB 4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	
4.1	Pengenalan	169
4.2	Profil Demografi Responden	169
4.3	Kadar Respon Kajian	170
4.4	Analisis Kenormalan	171
4.5	Analisis Data Variabel Pengurusan PdP, Pengurusan Bilik Darjah, Personaliti Guru dan Kualiti Guru	173
	4.5.1 Apakah Perbezaan Tahap Pengurusan PdP Sekolah Rendah Luar Bandar di Negeri Sabah?	173
	4.5.2 Apakah Perbezaan Tahap Pengurusan Bilik Darjah Oleh Guru Sekolah Rendah Luar Bandar di Negeri Sabah?	174
	4.5.3 Apakah Perbezaan Tahap Personaliti Guru Sekolah Rendah Luar Bandar di Negeri Sabah?	175
	4.5.4 Apakah Perbezaan Tahap Kualiti Guru Sekolah Rendah Luar Bandar di Negeri Sabah?	177
4.6	Analisis Perbezaan Skor Min Variabel Pengurusan PdP, Pengurusan Bilik Darjah, Personaliti Guru dan	179

	Kualiti Guru	
4.6.1	Analisis Ujian- <i>t</i> Skor Min PdP berdasarkan Jantina Responden	179
4.6.2	Analisis Ujian- <i>t</i> Perbezaan Skor Min Pengurusan Bilik Darjah berdasarkan Jantina Responden	180
4.6.3	Analisis Ujian- <i>t</i> Perbezaan Skor Min Personaliti Guru berdasarkan Jantina Responden	181
4.6.4	Analisis ANOVA Sehala Perbezaan Skor Min Pengurusan PdP berdasarkan Pengalaman Mengajar Responden	182
4.6.5	Analisis ANOVA Sehala Perbezaan Skor Min Pengurusan Bilik Darjah berdasarkan Pengalaman Mengajar Responden	183
4.6.6	Analisis ANOVA Sehala Perbezaan Skor Min Personaliti Guru Berdasarkan Pengalaman Mengajar Responden	184
4.7	Analisis Hubungan Variabel Kajian	186
4.7.1	Keputusan Analisis Hubungan antara Pengurusan PdP dengan Kualiti Guru	186
4.7.2	Keputusan Analisis Hubungan antara Pengurusan Bilik Darjah dengan Kualiti Guru	187
4.7.3	Keputusan Analisis Hubungan antara Personaliti Guru dengan Kualiti Guru	188
4.8	Analisis Regresi Berganda Variabel Kajian	188
4.8.1	Keputusan Analisis Regresi Berganda Pengurusan PdP, Pengurusan Bilik Darjah, dan Personaliti Guru terhadap Kualiti Guru	189
4.9	Analisis <i>Structure Equation Modelling (SEM)</i>	191
4.9.1	Analisis Model Pengukuran	191
4.9.2	Analisis Model Struktur	195
4.10	Implikasi Dapatan	200
4.11	Rumusan	201

## BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	202
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	202
5.2.1	Tahap Pengurusan PdP, Pengurusan Bilik Darjah, Personaliti Guru dan Kualiti Guru	203

5.2.2	Perbezaan dalam Pengurusan PdP, Pengurusan Bilik Darjah dan Personaliti Guru berdasarkan Jantina dan Pengalaman Mengajar	215
5.2.3	Hubungan Pengurusan PdP, Pengurusan Bilik Darjah, Personaliti Guru dengan Kualiti Guru	226
5.2.4	Pengaruh Pengurusan PdP, Pengurusan Bilik Darjah, Personaliti Guru terhadap Kualiti Guru	234
5.2.5	Kesesuaian Model Struktur Hubungan dan Pengaruh Langsung Variabel Pengurusan PdP, Pengurusan Bilik Darjah, Personaliti Guru terhadap Kualiti Guru	236
5.3	Implikasi Kajian	239
5.3.1	Implikasi Terhadap Teori dan Model	239
5.3.2	Implikasi Terhadap Penyelidikan	242
5.3.3	Implikasi Terhadap Pengamalan	242
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	245
5.5	Penutup	246
<b>RUJUKAN</b>		<b>249</b>
<b>LAMPIRAN</b>		<b>288</b>



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **SENARAI JADUAL**

Halaman

Jadual 1.1	: Keberadaan Guru ke Sekolah bagi Dua Buah Sekolah Luar Bandar Sekolah X dan Sekolah Y di Negeri Sabah	13
Jadual 1.2	: Kakinangan Guru yang Diberi Khidmat Psikologi dan Kaunseling	19
Jadual 2.1	: Pembinaan Konstruk Berasaskan Teori dan Model Kajian	116
Jadual 3.1	: Jumlah Populasi Kajian Sekolah Rendah Luar Seluruh Sabah	124
Jadual 3.2	: Pemilihan Sampel	128
Jadual 3.3	: Jadual Skala Likert	130
Jadual 3.4	: Jadual Skala Likert	131
Jadual 3.5	: Pembahagian Item dalam Soal Selidik	133
Jadual 3.6	: Panduan Faktor Pemberat berdasarkan Saiz Sampel	137
Jadual 3.7	: Perubahan Jumlah Item Soal Selidik Selepas Analisis	140
Jadual 3.8	: Analisis KMO dan <i>Bartlett's Test</i> Variabel PPdP	141
Jadual 3.9	: Analisis KMO dan <i>Bartlett's Test</i> Variabel PBD	142
Jadual 3.10	: Analisis KMO dan <i>Bartlett's Test</i> Personaliti Guru	143
Jadual 3.11	: Analisis KMO dan Ujian <i>Bartlett's</i> Variabel Kualiti Guru	145
Jadual 3.12	: Penilaian Pakar terhadap Variabel Kajian	148
Jadual 3.13	: Tahap Kebolehpercayaan Instrumen	149
Jadual 3.14	: Keputusan Kebolehpercayaan Instrumen (Rintis)	150
Jadual 3.15	: Petunjuk Model Kesepadan Kajian	157
Jadual 3.16	: Garis Panduan bagi Skor Min	162
Jadual 3.17	: Indek Kekuatan Korelasi Berpandukan Skor Min	164
Jadual 3.18	: Skala Davies (1971) bagi Kekuatan Pengaruh antara Dua Variabel	166
Jadual 3.19	: Pengujian Hipotesis Kajian	167
Jadual 4.1	: Taburan Responden mengikut Ciri Demografi	170
Jadual 4.2	: Taburan Normaliti Data Kajian	172
Jadual 4.3	: Skor Min dan Sisihan Piawai Item PPdP	174
Jadual 4.4	: Skor Min Item Pengurusan Bilik Darjah (PBD)	175
Jadual 4.5	: Min Item Personaliti Guru (PG)	176
Jadual 4.6	: Skor Min Item Kualiti Guru (KG)	178
Jadual 4.7	: Skor Min PPdP Berdasarkan Jantina Responden	179
Jadual 4.8	: Skor Min PBD Berdasarkan Jantina Responden	180
Jadual 4.9	: Skor Min PG berdasarkan Jantina Responden	181
Jadual 4.10	: Ujian <i>Homeogeny</i> Varians	182
Jadual 4.11	: Skor Min PPdP Berdasarkan Pengalaman Mengajar Responden	183
Jadual 4.12	: Ujian <i>Homeogeny</i> Varians	183
Jadual 4.13	: Skor Min PBD Berdasarkan Pengalaman Mengajar Responden	184
Jadual 4.14	: Ujian <i>Homeogeny</i> Varians	185
Jadual 4.15	: Skor Min PG Berdasarkan Pengalaman Mengajar Responden	185

Jadual 4.16	:	Hubungan antara PPdP dengan KG	186
Jadual 4.17	:	Hubungan antara PBD dengan KG	187
Jadual 4.18	:	Hubungan antara PG dengan KG	188
Jadual 4.19	:	Pengaruh Pengurusan PdP, PBD dan PG terhadap KG	190
Jadual 4.20	:	Analisis Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian <i>SEM</i>	192
Jadual 4.21	:	Analisis Korelasi antara Variabel Kajian	194
Jadual 4.22	:	Pengukuran Kebagusan Penyesuaian Model (GFI)	197
Jadual 4.23	:	Analisis Hubungan Langsung Variabel Eksogen dengan Variabel Endogen Kajian	198
Jadual 4.24	:	Ringkasan Dapatan Kajian	200



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **SENARAI RAJAH**

Halaman

Rajah 1.1	:	Kesan Kumulatif dan Sampingan ke atas Pencapaian Murid pada Masa Hadapan. Bagaimana Sistem Sekolah dengan Pencapaian Terbaik Menduduki Tempat Teratas	4
Rajah 2.1	:	Teori Kognitif Sosial (Bandura, 1986)	43
Rajah 2.2	:	Model Standard Guru Malaysia	47
Rajah 2.3	:	Model Pengajaran Le Francois	56
Rajah 2.4	:	Penyelesaian Masalah	66
Rajah 2.5	:	Komponen Proses Pengajaran	69
Rajah 2.6	:	Model Kerangka Pengajaran (Danielson, 2007)	71
Rajah 2.7	:	Model Slavin (1994)	75
Rajah 2.8	:	Model Pengajaran Glaser (1977)	77
Rajah 2.9	:	Teori <i>Hexagon</i> Personaliti Dan Persekutaran	103
Rajah 2.10	:	Komponen Personaliti	105
Rajah 2.11	:	Kerangka Konseptual Kajian	118
Rajah 3.1	:	Hubungkait Variabel Bebas dan Variabel Bersandar	121
Rajah 3.2	:	Prosedur Pensampelan Kajian	127
Rajah 4.1	:	Model Pengukuran Analisis Laluan bagi Pengaruh PPdP, PBD, dan PG terhadap KG	199



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **GLOSARI AKRONIM**

- 4Cs - *Creativity, Collaboration, Communication, Critical Thinking*
- AFI - *Absolute Fit Indices*
- AGFI - *Goodness-of-Fit Statistic*
- AIC - Kriteria Informasi Akaike
- AMOS – *Analysis of Moment Structures*
- BBB - Bahan Bantu Belajar
- BBM - Bahan Bantu Mengajar
- BM - Bahasa Melayu
- BPG - Bahagian Pendidikan Guru
- C.R - *Critical Ratio*
- CFI - *Comparative Fit Index*
- CTL - *Contextual Teaching and Learning*
- CSCL - *Computer Supported Collaborative Learning*
- Df - Darjah kebebasan
- DSKP - Dokumen Standard Kurikulum dan Prestasi
- EFA - Analisis Faktor Penerokaan
- EPRD - Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
- ETR - *Expected Target Result*
- FA - Analisis Faktor
- FPK - Falsafah Pendidikan Kebangsaan
- GFI - *Goodness-of-fit*
- GTP - Program Transformasi Kerajaan
- ICT - *Information Communication and Technology*
- IFI - *Incremental Fit Indices*
- ISO – *International Organization for Standardization*
- IWB - *Interactive White Board*
- JNJK - Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
- JPN - Jabatan Pendidikan Negeri
- JS - Jarang-jarang Sekali

- KBAT - Kemahiran Berfikir Aras Tinggi  
KG – Kualiti Guru  
KMO - *Kaiser-Meyer-Olkin*  
KPG - Kualiti pengajaran guru  
KPM - Kementerian Pendidikan Malaysia  
KSSR - Kurikulum Standard Sekolah Rendah  
*MQA - Malaysian Qualification Agency*  
*MQR - Malaysian Qualification Framework*  
NCLB - *No Children Left Behind*  
NFI - *Normed-Fit Index*  
NITF - *National Implementation Task Force*  
NKRA – *National Key Result Areas*  
NKRA - Keberhasilan Utama Negara  
OTI - *Operational Target Increment*  
PAK-21 - Pembelajaran Abad Ke-21  
PBD - Pengurusan bilik darjah  
PBD - Pengurusan Bilik Darjah  
PBS - Pentaksiran Berasaskan Sekolah  
PdP - Pengajaran dan Pembelajaran  
PdPc - Pembelajaran dan Pemudahcaraan  
PFI - *Parsimony Fit Indices*  
PG - Personaliti Guru  
PGFI - *Parsimony Goodness-of-Fit Index*  
PISA - *Program for International Student Assessment*  
PK - Pengajaran Koperatif  
PLC – Professional Learning Community  
PM - Penyelesaian Masalah  
PNFI - *Parsimonious Normed Fit Index*  
PPD - Pejabat Pendidikan Daerah  
PPD - Pejabat Pendidikan Daerah  
PPG - Pelaksanaan Pengajaran Guru  
PPIK - Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan

PPPM - Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia

PT - Pengajaran Tradisional

R – Regresi

$r^2$  – Korelasi Berganda Dua

*RCM - Rotated Component Matrix*

*RMR - Root Mean Square Residual*

*RMSEA - Root Mean Square Error of Approximation*

RPH - Rancangan Pengajaran Harian

RPH - Rancangan Pengajaran Harian

RPT - Rancangan Pengajaran Tahunan

RPT - Rancangan Perancangan Tahunan

*RttT - Race to the Top*

SD – *Standard Division*

*SEM - Structural Equation Modeling*

SGM - Model Standard Guru Malaysia

SGM - Standard Guru Malaysia

*Sig. - Significant*

SKPM - Standard Kualiti Pendidikan Malaysia

SKPMg2 - Standard Kualiti Pendidikan Malaysia gelombang ke-2

SP – Sisihan Piawai

*SPSS - Statistic Package for Social Science*

*SRMR - Standardized Root Mean Square Residual*

STAD - *Student Teams Achievement Divisions*

*TIMSS - Trends in International Mathematics and Science Study*

TLLM - *Teach Less, Learn More*

*TOC - Theory of Constraint*

*TOV - Take of Value*

TQM - Pengurusan Kualiti Menyeluruh


*VIF - Variance Inflation Factor*

$\chi^2$  - Khi Kuasa Dua

$\alpha$  - *Alpha Cronbach*

## **SENARAI LAMPIRAN**

- Lampiran A : Soal Selidik Kajian
- Lampiran B : Panel Pakar Pemeriksa Borang Soal Selidik
- Lampiran C : Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan
- Lampiran D : Kelulusan Menjalankan Kutipan Data Kajian
- Lampiran E : Maklumat Bilangan Sekolah Rendah di Negeri Sabah
- Lampiran F : Jadual Penentu Saiz Sampel
- Lampiran G : Kebolehpercayaan Kajian Rintis
- Lampiran H : Analisis Faktor Kajian
- Lampiran I : Data Dapatan Kajian Lapangan
- Lampiran J : Data Analisis Laluan *SEM*



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Dalam memerlukan pendidikan bersifat global abad ke 21, pembangunan modal insan bertaraf dunia merupakan prasyarat untuk membawa Malaysia bersama-sama bersaing dengan negara maju yang lain. Program Transformasi Kerajaan (GTP 1.0) telah meletakkan pendidikan sebagai salah satu Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang berfokuskan guru berkualiti sebagai salah satu penentu keberhasilan murid. Seiring dengan itu transformasi pendidikan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah diperkenalkan dan Bahagian Pendidikan Guru (BPG) bertanggungjawab bersama-sama dalam merancang dan menyelaras pelaksanaan bagi memastikan dasar pendidikan tercapai.

Kewujudan PPPM (2013) telah menaikkan martabat guru sebagai insan penting di sebalik kejayaan seseorang murid. Ini selari dengan dapatan kajian oleh Nur Farhah & Fatimah (2018) bahawa apa yang murid dapat tidak hanya bergantung pada sekolah yang mereka hadiri, tetapi bergantung pada guru yang ada dalam sekolah tersebut. Dalam bilik darjah guru bertanggungjawab sebagai pengurus, pemudahcara, pakar rujuk, penilai pendidik mahupun fasilitator. Rashidy (2011) turut menyatakan bahawa seorang guru perlu meningkatkan keperibadian diri sebagai seorang pendidik yang berjiwa bersih dan mempunyai komitmen yang tinggi sebelum membimbang orang lain. Dengan itu, guru adalah individu yang mampu mencipta sesuatu yang berbeza dalam personaliti murid melalui pelbagai cara.

Kejayaan yang diperoleh oleh murid hari ini adalah hasil pengorbanan guru yang amat berdedikasi dalam profesion mereka. Ini kerana profesion keguruan berkait rapat dengan kualiti guru (KG). Kualiti guru adalah sinonim dengan kualiti kerja atau sifat-sifat yang dimiliki seorang yang ada dalam diri untuk mencapai daya tahan, keberkesanannya,

produktiviti, tanggungjawab, kecekapan, dan kemahiran untuk mengajar. Penglibatan guru dalam aktiviti profesional turut memberikan kesan yang besar kepada kualiti diri. Pembangunan guru adalah aspek kritikal dan berpotensi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran yang seterusnya akan mendorong ke arah peningkatan komitmen individu dan pasukan kepada matlamat sekolah.

Kualiti guru menjadi isu kritikal kerana keperluan kepada penambahbaikan yang radikal dan berskala besar dalam bidang pendidikan terutamanya sekolah adalah sangat mendesak dan berlaku secara global (Hallinger, 2010). Menurut Darling-Hammond (2017), masalah pengukuran KG masa kini ialah pengukuran yang tidak dikaitkan sepenuhnya dengan kebolehan mengajar. Oleh itu, selain PdP keupayaan guru untuk mengaplikasikan kemahiran mengurus dan meningkatkan komitmen di sekolah adalah suatu yang perlu diutamakan. Perkara utama dalam melakukan penambahbaikan yang berkekalan adalah meningkatkan kualiti guru. Justeru, dalam mengecapi sebuah negara yang mempunyai pendidikan bertaraf dunia memartabatkan profesion keguruan dengan meningkatkan kualiti diri, mengukuhkan tahap profesionalisme dan menjadikan lintasan kerjaya guru lebih menarik antara dasar yang ditekankan untuk menghasilkan kualiti guru sejajar dengan matlamat.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**


Pembangunan profesional guru di Malaysia telah menyumbang secara aktif kepada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan modal insan negara (Titik, Syafrimen & Kamisah, 2018). Perkembangan ini adalah sebagai pembangunan guru dalam meningkatkan kualiti diri dari segi pengetahuan, kemahiran sikap mereka sebagai ahli akademik bagi mencapai kecemerlangan untuk memenuhi keperluan masyarakat. Dasar kerajaan melalui Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) merupakan sebahagian usaha Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ke arah meningkatkan kemenjadian murid dan sekolah berkualiti (PPPM 2013-2025). Usaha ini adalah melalui persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan yang disokong oleh kepimpinan yang berkualiti dan berwawasan, guru yang kompeten dan beraspirasi tinggi serta komitmen komuniti yang

padu. Dasar ini membuktikan bahawa matlamat dan teras pendidikan negara akan memfokuskan profesi keguruan.

Oleh itu, Menteri Pendidikan Malaysia penekanan keperluan pendidikan untuk mengubah paradigma cara bekerja guru Malaysia meneraju TS25 dan teknologi Revolusi Industri 4.0 serta menyeru warga pendidik melaksanakan aspirasi negara (Utusan Online, 2019). Menggunakan instrumen pemantauan TS25, melantik jawatankuasa khusus TS25 dan juga mengaplikasikan Modul TS25 antara usaha yang diperjuangkan. Isu yang mengatakan bahawa sistem pendidikan negara dilihat cacamarba atau tidak konsisten dalam mencapai potensi murid (Luqman, 2018) perlu diselesaikan dengan segera. Justeru, guru adalah individu yang mempunyai perkaitan langsung untuk menangani isu. Menyedari hakikat ini, negara seperti Singapura, Korea, Finland, China, dan Jepun secara drastik bangkit meningkatkan piawaian mengukuhkan tenaga kerja guru di negara mereka (Joni, 2017). Perkembangan sistem pendidikan dan peningkatan prestasi murid yang memberangsangkan di negara berkenaan membuktikan wujud signifikan antara guru dalam penerapan ilmu dan penguasaan murid terhadap pengetahuan yang disampaikan. Dalam hal ini, relevensi kualiti guru sebagai isu utama yang dijadikan pegangan dalam pendidikan sesebuah negara adalah bersesuaian dengan idea pakar seperti Joni (2017), Andrew (2017) dan Goldhaber, Vanessa & Roddy (2019).

Rentetan daripada itu, pihak KPM memandang serius berkaitan isu ini. Melalui Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (2006-2010) sehingga ke penstrukturana dasar baharu pendidikan negara PPPM 2013-2025 telah dijadikan hala tuju sistem pendidikan negara. Tumpuan dasarnya ialah menjadikan sekolah kebangsaan sebagai pusat kecemerlangan pendidikan dan memartabatkan profesion keguruan sebagai profesion yang disegani dan unggul. Antara hala tuju utama dalam mencapai matlamat tersebut ialah meningkatkan kualiti guru (Harris, 2011). Sasaran untuk mencapai objektif yang telah digariskan seperti memahami prestasi dan cabaran semasa, mewujudkan visi dan aspirasi yang jelas, dan menggariskan transformasi sistem pendidikan yang komprehensif. Ini kerana berdasarkan laporan PPPM (2013) dinyatakan bahawa kualiti guru merupakan penentu kejayaan utama dalam keberhasilan murid di peringkat sekolah. Pernyataan ini boleh ditafsirkan dalam Rajah 1.1.

Kualiti Guru lebih mempengaruhi prestasi murid berbanding pemboleh ubah lain



1. Dalam kalangan 20% guru berkualiti
2. Dalam kalangan 20% guru berprestasi paling rendah

**Rajah 1.1: Kesan Kumulatif dan Sampingan ke atas Pencapaian Murid pada Masa Hadapan. Bagaimana Sistem Sekolah dengan Pencapaian Terbaik Menduduki Tempat Teratas.**

Sumber. : Sanders & Rivers (2007)

Berdasarkan Rajah 1.1, pengamatan kualiti guru dari segi pengaplikasian kemahiran pengurusan dan komitmen menunjukkan kajian yang telah dilakukan di Tennessee, Dallas, Boston Amerika Syarikat, dan England bahawa terdapat perbandingan dua orang murid berusia lapan tahun dengan memiliki tahap prestasi sederhana yang diajar oleh guru yang berbeza prestasi. Dua kategori prestasi yang dimiliki guru tersebut iaitu prestasi rendah dan seorang lagi guru yang berprestasi tinggi. Pencapaian akademik murid tersebut berbeza sebanyak lebih 50 peratus dalam tempoh tiga tahun. Ini terbukti bahawa kualiti guru adalah antara faktor penentu kejayaan sistem pendidikan di sekolah. Muhammad Faizal & Julie (2014) menegaskan bahawa akses kepada pendidikan berkualiti bukan sahaja berfokuskan kepada aspek prasarana sekolah yang baik, integrasi kurikulum, dan kokurikulum yang berkesan tetapi mempunyai perkaitan signifikan dengan kualiti guru.

Merujuk kepada lokasi kajian, Sabah adalah sebuah negeri yang memiliki sekolah rendah yang kedua terbanyak di Malaysia (Nuri, 2010) dan sejumlah besarnya adalah sekolah luar bandar. Sekolah luar bandar mempunyai keperluan yang unik dalam memberi impak khususnya berkaitan kualiti guru dalam sistem pendidikan negara (Pervin & Cennet, 2011). Oleh kerana antara kriteria utama dalam menentukan tahap kualiti guru sesebuah sekolah yang diukur berdasarkan peperiksaan awam ternyata Sabah kerap berada pada tangga tercorot untuk setiap peperiksaan awam. Situasi ini seharusnya tidak lagi berlaku disebabkan oleh perubahan sistem pendidikan negara yang sentiasa memfokuskan inisiatif yang berkaitan dengan kualiti guru (PPPM, 2013). Hal ini pastinya akan mengaitkan kualiti guru dari segi kemahiran pengurusan dan komitmen guru di Sabah. Isu ini telah menghangatkan lagi warga pendidikan disebabkan perkara-perkara berbangkit yang berkaitan kualiti guru seharusnya tidak lagi wujud.

Surat edaran berkaitan Pelaksanaan Standard Kualiti Pendidikan Malaysia gelombang 2 (SKPMg2) telah dilaksanakan pada 1 Mac 2017. Salah satu eviden yang dinilai ialah menetapkan strategi pelaksanaan dengan menyediakan guru yang berkualiti dan kompeten dalam pelbagai aspek kemahiran pengajaran dan pembelajaran, pengetahuan dan kefahaman serta amalan nilai profesionalisme keguruan yang perlu ditekankan dalam bilik darjah berdasarkan Standard Guru Malaysia (SGM). Walaupun berlaku pelbagai usaha yang dilakukan oleh pihak kementerian mahupun individu dalam meningkatkan kualiti guru seperti penyelarasan gaji, infrastruktur, program peningkatan profesionalisme guru (Hassel, 2013) dan lain-lain masih lagi belum menampakkan impak yang memberangsangkan khususnya sekolah luar bandar jika dibandingkan dengan sekolah bandar. Memandangkan pelbagai dasar pendidikan yang telah digubal dan yang terkini fasa gelombang kedua PPPM telah bermula tetapi isu kualiti guru masih lagi belum dapat ditangani dengan sepenuhnya.

Oleh yang demikian, umum mengetahui bahawa kejayaan murid di sekolah dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Walaupun begitu, guru mempunyai impak besar terhadap kebarangkalian kejayaan itu (Stronge, Ward & Grant, 2011). Tidak hairanlah apabila dianalisis setiap tahun dalam belanjawan negara peruntukan yang diberikan kepada kementerian pendidikan adalah yang tertinggi berbanding kementerian lain iaitu